



Info Vokasional

UNIT PERUMAHAN DAN REHLAH BKAWM 10/11

BILANGAN 1

Bahagian pertama : Asas elektrik

Kandungan:

1. Pengenalan asas
2. Sistem perjalanan elektrik
3. Penyelenggaraan
 - 3.1 Pekakas yang diperlukan
 - 3.2 Mengenal dan memasang peralatan
 - 3.3 Membuka peralatan yang telah dipasang
 - 3.4 Memeriksa kerosakan
 - 3.5 Penyelenggaraan am

Pengenalan Asas

Dalam kehidupan hari ini, tenaga elektrik amat berguna sebagai syarat keperluan asas yang sangat dihajati. Hari ini, semua dunia menyalurkan elektrik ke segenap pelusuk negeri dan rantau untuk kegunaan kediaman dan perkilangan sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta. Anugerah ini haruslah disyukuri sebagai satu pemberian Allah yang maha pencipta kepada manusia yang ditaklifkan sebagai khalifah di muka bumi ini.

Berbalik ke bumi mesir, Negara ini tidak ketinggalan dalam memajukan sistem asas ini sebagai keperluan dan kegunaan harian. Nilai voltan yang disalurkan untuk kegunaan domestik ialah 220 Voltan. Bekalan ini adalah lebih rendah jika dibandingkan piawaian yang ditetapkan di Negara kita Malaysia iaitu 240 Voltan.

Penggunaan elektrik melibatkan hubungan diantara pembekal tenaga (kerajaan) dan juga pengguna. Justeru itu, pengguna haruslah memahami dan mengetahui apakah tindakan yang boleh dilakukan dan larangan pembekal (kerajaan) kepada pengguna berkaitan pendawaian dan litar elektrik.

Antaranya, pengguna perlulah memastikan litar elektriknya di dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan. Jika terdapat sebarang kerosakan, pengguna perlulah membaikinya. Sekiranya kerosakan berpunca dari meter elektrik dan di luar premis kediamannya, pengguna tidak perlu membaikinya sebaliknya melaporkan kepada pembekal (kerajaan) atau Jabatan Bekalan Elektrik untuk tindakan pihak terbabit.